

# Himpunan tak gugat PM, kerajaan

BERITA HARIAN 27 JUL 2025 m/s: 9

## ANALISIS

Oleh  
Mohd  
Nasaruddin  
Parzi

bhnews@bh.com.my



**Himpunan** pembangkang ditunjangi PAS yang julung kali dianjurkan pasca Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) berlangsung dengan aman, semalam.

Sejak pentadbiran negara diterajui Kerajaan Perpaduan, inilah pertama kali puluhan ribu rakyat turun ke jalanan berhimpun di lokasi yang menjadi tradisi pelbagai siri himpunan dan demonstrasi selama ini.

Sejak dari awal kempen himpunan ini digerakkan kepada umum dengan siri himpunan kecil turut diadakan di negeri-negeri, tiada sebarang sekatan baik daripada kerajaan, Polis Diraja Malaysia (PDRM) mahupun pihak berkuasa tempatan.

Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menyatakan dan meminta polis memberi kerjasama penuh kepada pe-

nganjur, termasuk memastikan himpunan yang dianjurkan berjalan aman dan tertib, tanpa menggugat ketenteraman awam.

Penganjur sejak awal menafikan himpunan yang turut dihadiri pemimpin politik termasuk daripada Perikatan Nasional (PN), Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG), bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, badan bukan kerajaan (NGO) serta mahasiswa bukan untuk menggulingkan kerajaan, sebaliknya menuntut Anwar turun dari jawatannya.

Mereka juga menyatakan himpunan semalam sebagai manifestasi berkumpul dan menyampaikan suara hati rakyat yang kurang senang dengan beberapa tindakan serta keputusan kerajaan sebelum ini.

Ini termasuk berkaitan usaha kerajaan menangani kos sara hidup rakyat, seiring pendekatan peluasan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang dilaksana sejak 1 Julai lalu serta langkah pelaksanaan konsolidasi fiskal negara yang menyaksikan penyesaran subsidi mula disasarkan ke atas barangan kepenggu-

naan seperti diesel serta RON95.

Himpunan ini juga manifestasi bantahan kepada kerajaan atas isu pelantikan hakim utama, Titah Adendum Yang di-Pertuan Agong serta beberapa pelantikan kontroversi membabitkan jawatan penting dalam kerajaan.

Bagi penganalisis, biarpun himpunan ini menarik kehadiran ribuan peserta, ia tidak sedikit pun menggugat kedudukan Perdana Menteri dan kerajaan, sebaliknya menyerlahkan imej keterbukaan kerajaan meraikan semangat demokrasi seperti dijamin dalam Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

Penganalisis sosiopolitik Universiti Malaya (UM), Datuk Profesor Dr Awang Azman Awang Pawi, berkata himpunan ini lebih bersifat simbolik, retorik dan tekanan psikologi, bukannya strategi berkesan untuk menukar kerajaan, apatah lagi hingga kini, tiada usul undi tidak percaya dikemukakan pembangkang dalam Dewan Rakyat.

Katanya, impak terhadap kedudukan Perdana Menteri dan kerajaan adalah minimum, malah tiada tanda-tanda berlakunya

perpecahan dalam kalangan parti gabungan kerajaan, keyakinan pelabur tergugat serta pentadbiran awam juga masih utuh.

Namun begitu, katanya kerajaan tetap tidak boleh berasa selesa, kerana himpunan seumpama ini menunjukkan wujudnya kelompok tidak berpuas hati dan boleh berkembang jika isu rakyat tidak ditangani secara efektif, terutama kos sara hidup, perumahan, pendidikan dan keadilan sosial.

"Himpunan ini lebih menyerlah sebagai demonstrasi kegagalan pembangkang dalam membina naratif alternatif yang segar. Tanpa hujah meyakinkan, fakta konkrit dan tawaran dasar membina, perhimpunan ini tidak berjaya menggugat kedudukan Anwar sebagai Perdana Menteri, sekurang-kurangnya dalam jangka masa terdekat," katanya.

Felo Majlis Profesor Negara, Dr Azmi Hassan, pula berpendapat komposisi kehadiran dalam himpunan yang sebahagian besar digerakkan oleh parti politik ini, kurang memberi tekanan kepada kerajaan.

"Jika ahli parti yang hadir, ia tidak memberi tekanan kepada

Perdana Menteri dan kerajaan. Jika kehadiran daripada pelbagai lapisan masyarakat, yang tiada kena mengena dengan parti, sama ada PAS, BERSATU atau PEJUANG, maka itu akan beri tekanan kepada kerajaan dan Perdana Menteri.

"Jumlah yang hadir tak penting tapi komposisi (pecahan peserta yang turun) itu. Siapa yang hadir itu akan menentukan sama ada Anwar hanya dapat sokongan Ahli Parlimen tapi bukan rakyat. Itulah persepsi dan manifestasinya jika kehadiran bukan ahli parti," katanya.

Beliau berkata, tanpa kehadiran pemimpin parti serta Ahli Parlimen daripada Kerajaan Perpaduan dalam himpunan itu juga, memberi isyarat jelas bahawa sokongan dua pertiga Ahli Parlimen kepada Perdana Menteri ketika ini kekal utuh dan tak berubah.

Sementara itu, Pensyarah Jabatan Pengajian Pentadbiran dan Politik UM, Dr Mohammad Ta'wfiq Yaakub, pula berkata hanya Parlimen serta pilihan raya saja boleh menentukan masa depan Perdana Menteri serta kerajaan, bukannya himpunan jalanan.